

Kabinet setuju pesawat baru ganti Nuri: Najib

BH-19/7/2007.

Helikopter akan digunakan untuk tempoh tiga tahun lagi



Nahas Nuri

Oleh Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Kabinet semalam bersetuju membeli pesawat baru bagi menggantikan helikopter Nuri yang sudah digunakan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) hampir 40 tahun lalu.

Keputusan itu dibuat selepas mengambil kira nahas udara terbaru membabitkan pesawat Nuri, Jumaat lalu, yang mengorbankan semua enam pegawai dan anggota Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Datuk Seri Najib Razak yang memengerusikan mesyuarat Kabinet semalam, berkata jemaah menteri yang dimaklumkan mengenai nahas terbaru itu dan keperluan menggantikan segera helikopter Nuri, memutuskan pembelian pesawat baru dibuat menerusi tender terbuka antarabangsa.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang kini bercuti, sudah dimaklumkan mengenai perkara itu.

Najib berkata, spesifikasi pesawat baru itu akan ditentukan sebelum tender berkenaan ditawarkan dalam tempoh beberapa bulan lagi.

"Sementara menunggu pesawat baru dalam masa dua setengah hingga tiga tahun, kita akan terus menggunakan Nuri. Panglima Tentera Udara (Jeneral Tan Sri Azizan Ariffin) memaklumkan TUDM masih boleh gunakan Nuri," katanya pada sidang media selepas menemui keluarga mangsa nahas pesawat itu di Hospital Kuala Lumpur (HKL), semalam.



TURUT BERSIMPATI: Najib bersama Rosmah pada sidang media selepas melawat anggota keluarga nahas helikopter Nuri di bilik mayat Hospital Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir Azizan (duduk tiga dari kanan).

Mangsa adalah juruterbang pesawat itu, Kapten Nor Azlan Termuzi, 29, pembantunya, Kapten Nor Intan Asykeen Mohd Arof, 27, Sarjan Udara Khusnizaim Ariffin, 34, Sarjan Udara Mohd Azmie Md Yassin, 35, Laskar Udara Kanan Saifulizam Alias, 28 dan Laskar Udara Kanan Muhammad Ridzuan Ahmad, 27.

Dalam nahas itu yang ke-18 membabitkan pesawat Nuri, Nor dan Nor Intan ditemui tersepit dalam kokpit dan sehingga malam tadi jenazah juruterbang itu belum dapat dikeluarkan dari bangkai pesawat itu.

Jenazah Nor Intan dan Khusnizaim pula berjaya dikeluarkan dari bangkai pesawat, tetapi belum dapat diterbangkan ke HKL berikutan

cuaca buruk.

Setakat ini, hanya jenazah Mohd Azmie, Saifulizam dan Muhammad Ridzuan sudah dikebumikan di kampung masing-masing.

Jenazah Saifulizam dan Mohd Az-

mie yang pertama tiba di HKL pada jam 12.40 tengah hari, diikuti jenazah Muhammad Ridzuan, kira-kira jam 1.20 petang. Semua jenazah dibawa dengan pesawat Nuri dari lokasi nahas di Genting Sempah.

Lebih 200 orang awam dan keluarga berkumpul di padang HKL sejak awal pagi bagi menunggu ketibaan jenazah mangsa.

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah turut berangkat ke HKL pada tengah hari bagi menziarahi keluarga mangsa dan memberi sumbangan peribadi.

Baginda juga berkenan bersama-sama keluarga mangsa membacakan doa ke atas jenazah sebelum berangkat pulang.

FAKTA NOMBOR

Nahas Nuri

95

Kematian

18

Nahas